


BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti kejiranan dalam kalangan masyarakat. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 - 250 patah perkataan.

USAHA-USAHA UNTUK MEMUPUK SEMANGAT KEJIRANAN



Penglibatan dalam aktiviti bergotong-royong



Amalan ziarah-menziarahi



Penganjuran rumah terbuka

BAHAGIAN B

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah kata.

1. Amalan berjimat cermat amat dituntut dalam kehidupan seharian.

Sebagai pelajar, bincangkan cara-cara anda mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian.

2. Belakangan ini, masyarakat sering digemparkan oleh berita yang melibatkan kehilangan, penculikan, dan pembunuhan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, keluarga perlu memainkan peranan dalam memastikan keselamatan anak-anak terjamin.

Huraikan peranan ahli keluarga dalam menjamin keselamatan anak-anak.

3. Kerajaan mewajibkan Dasar 1Murdid 1Sukan di setiap sekolah.

Tulis rencana tentang manfaat dasar tersebut kepada negara.

4. Krisis kekurangan makanan yang berlaku di rantau ini dapat ditangani secara berkesan melalui kerjasama antara negara serantau.

Bincangkan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menangani krisis tersebut.

5. Membaca karya sastera dapat menyemai perasaan cinta akan negara, menambahkan ilmu pengetahuan dan memberikan pengajaran kepada pembaca.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT